**From:** UUM CORPORATE COMM.
**Sent on:** Sunday, 2 April, 2023 11:39:49 AM
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students
**Subject:** PERTINGKAT PROFESIONALISME KENDIRI

UUM Corporate Communication
Universiti Utara Malaysia

Your Reliable DIGITAL INFORMATION UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | *THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*

2 APRIL 2023 / 11 RAMADAN 1444H
==========

Oleh: Salina Abdullah
Gambar oleh: Mohd Mahadi Mohd Razani

**PERTINGKAT PROFESIONALISME KENDIRI**




**UUM ONLINE:** Bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa di Bulan Ramadhan, Jawatankuasa Kebajikan, Keceriaan, Sukan dan Rekreasi (JKKSR) Pusat Pengajian Kerajaan (SoG) menganjurkan Program Pemantapan Profesionalisme Kendiri di Dewan Sri Angsana, EDC-UUM, baru-baru ini.

Dekan, Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf berkata, objektif program itu diadakan bagi mengaplikasikan tingkah laku yang lebih baik untuk meningkatkan prestasi hasil kerja berkualiti dan menggalakkan penglibatan staf dalam memberi komitmen dalam penganjuran aktiviti bersama komuniti.

“SoG sentiasa membuka pintu dan memberi ruang perbincangan secara bersama bukan sahaja pelajar *senior* atau *junior* untuk terlibat dengan program anjuran SoG.

“Begitu juga dengan masyarakat luar, sebagaimana hasrat Menteri Pendidikan Tinggi dan pihak universiti untuk memasyarakat dan merakyatkan program yang dibuat oleh pusat pengajian untuk komuniti, saya memohon semua jawatankuasa untuk memasukkan program bersama komuniti luar bagi membolehkan kepakaran dan program yang dibuat oleh SoG memberi faedah kepada masyarakat,” katanya.

Jelasnya, program ini bukan sahaja dapat melaksanakan tugas secara profesional, beretika dan berintegriti dalam satu pasukan berlandaskan nilai-nilai murni malah merapatkan silaturahim antara pensyarah dan pelajar.

Pada program itu juga, telah diadakan sesi Ceramah Ramadhan Mubarak disampaikan oleh Ketua Unit Dakwah Bahagian Agama dan Kaunseling, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, Ustaz Lutfi Amir Saiadin yang berkongsi tentang Meraih Kesempurnaan Ibadah Puasa: “Ramadhan Berkat, Taqwa Meningkat” dalam bulan Ramadhan.



Jelasnya, bagi meraih berkat terdapat pelbagai amalan kebaikan yang boleh dilakukan di bulan Ramadhan yang tidak semestinya dengan wang ringgit.

“Paling penting adalah niat dalam melakukan kebaikan kerana walau sekecil mana pun usaha, pasti besar maknanya. Sesiapa yang melakukan amalan solat sunat sebelum solat fardhu, ganjarannya seumpama melakukan solat fardhu 70 kali.

“Salah satu ciri orang bertakwa adalah orang yang selalu berbuat ihsan dalam kehidupan seharian. Syarat utama takwa yang menjadi nilai ukuran kemuliaan di sisi Allah SWT ialah beriman dengan Allah SWT, hari akhirat, beriman dengan kandungan al-Quran dan sifat takwa lain.

“Kita berpeluang untuk melaksanakan pelbagai amal ibadat fardhu dan sunat dengan menghayati semaksima mungkin bagi mengumpul pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan oleh Allah SWT,” jelasnya.

Pada majlis sama, Dekan turut menyampaikan sumbangan Bakul Ramadhan Ukir Senyuman kepada kakitangan Pencucian dan Pembersihan (UPSB), SOG, Norazilawati Ahmad dan anak-anaknya selain majlis berbuka puasa staf bersama keluarga, pelajar dan komuniti luar di Restoran Sri Beringin.










Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.